



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs.
Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 6 Disember 2024.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	<p>JKM TAMBAH KAKITANGAN HADAPI GELOMBANG KEDUA BANJIR</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/12/jkm-tambah-kakitangan-hadapi-gelombang-kedua-banjir/</p> <p>https://www.instagram.com/nancy.shukri/p/DDMwTRovVk4/?img_index=1</p>	<p>Utusan Malaysia</p> <p>Insta YBM</p>	Positif
1.	<p>BANTUAN BANJIR DARI NGO PERLU MELALUI PIHAK BERWAJIB – NANCY</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1162962/bantuan-banjir-dari-ngo-perlu-melalui-pihak-berwajib-nancy</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/12/1331244/banjir-ngo-swasta-mahu-salur-bantuan-dinasihat-rujuk-jkm-nadma-nancy</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/700631/berita/semasa/agih-sumbangan-banjir-menerusi-pkob-elak-individu-sama-terima-bantuan</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p> <p>Sinar Harian</p>	Positif
2.	<p>SEMUA BARANGAN BANTUAN, SUMBANGAN BANJIR PERLU DISALUR MENERUSI NADMA – NANCY</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/semua-barangan-bantuan-sumbangan-banjir-perlu-disalur-menerusi-nadma-nancy-499466</p>	<p>Astro Awani</p>	Positif

	<p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/12/1333323/semua-barangan-bantuan-sumbangan-banjir-perlu-disalurkan-melalui-nadma</p> <p>https://x.com/bharianmy/status/1864607817300365364</p> <p>https://www.facebook.com/MalaysiaGazette/posts/bantuan-daripada-pihak-luar-dibenarkan-tetapi-perlu-melalui-nadma-malaysiagazett/1010188181152553/</p> <p>https://seeni.my/article/semua-barangan-bantuan-sumbangan-banjir-perlu-disalur-menerusi-nadma-nancy-astro-awani-499466</p> <p>https://x.com/tvsarawak/status/1864609194902753624</p> <p>https://www.threads.net/@malaysiagazette/post/DDMVAR0IC4w</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Twitter BH</p> <p>FB Malaysia Gazette</p> <p>Seeni</p> <p>Twitter TVS</p> <p>Threads Malaysia Gazette</p>	
3.	<p>DEPOH SIMPANAN KEPERLUAN BENCANA JKM DI KELANTAN AKAN DITAMBAH BAIK – NANCY</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/depoh-simpanan-keperluan-bencana-jkm-di-kelantan-akan-ditambah-baik-nancy-499450</p> <p>https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2371556</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php/dunia/nnews.php?id=2371437</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/12/05/depoh-simpanan-keperluan-bencana-jkm-di-kelantan-akan-ditambah-baik-nancy</p> <p>https://x.com/tvsarawak/status/1864598702704521308</p> <p>https://x.com/BernameaTV/status/1864695748283257073</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2024/12/mtpng-kelantan-bawa-cadangan-depoh-simpanan-keperluan-bencana-ikut-zon-ke-kabinet/#google_vignette</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Bernamea</p> <p>Bernamea News</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Twitter TVS</p> <p>Twitter Bernama TV</p>	Positif

		Utusan Malaysia	
4.	<p>KESEDARAN ORANG RAMAI PINDAH KE PPS SANGAT LUAR BIASA – MERCY</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kesedaran-orang-ramai-pindah-ke-pps-sangat-luar-biasa-mercy-499488</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=mo14ZjblQK8</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Youtube</p>	Positif
5.	<p>GISBH: LEBIH 130 KANAK-KANAK BELUM DITUNTUT</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/700593/berita/nasional/gisbh-lebih-130-kanak-kanak-belum-dituntut</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/gisb-140-kanakkanak-belum-dituntut-nancy-nasihat-ibu-bapa-jangan-takut-499079</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1162950/mana-menghilang-ibu-bapa-130-kanak-kanak-ini</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/gisb-130-kanak-kanak-masih-belum-dituntut-oleh-ibu-bapa-nancy-499480</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=LsGnrgDvGIA</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2371552</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=jSpxyQLwVaA – Berita RTM</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Harian Metro</p> <p>Astro Awani</p> <p>Youtube</p> <p>Bernamea</p> <p>Youtube RTM</p>	Neutral
6.	<p>JELI BANJIR SEMULA, MANGSA DIJANGKA BERTAMBAH</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1163124/jeli-banjir-semula-mangsa-dijangka-bertambah</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/jeli-dilanda-banjir-semula-19-mangsa-dipindahkan-ke-pps/</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral

	https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/12/1333428/jeli-kembali-dilanda-banjir-19-mangsa-dipindahkan-ke-pps	Berita Harian	
7.	<p>KECACATAN, JADUAL LATIHAN KETAT TAK GANGGU FOKUS ASHLEY KEPADA PENGAJIAN</p> <p>https://www.hmetro.com.my/arena/badminton/2024/12/1162971/kecacatan-jadual-latihan-ketat-tak-ganggu-fokus-ashley-kepada</p> <p>https://www.bharian.com.my/sukan/raket/2024/12/1333276/kecacatan-jadual-latihan-ketat-tidak-ganggu-fokus-ashley-pada-pengajian</p> <p>https://stg.molekfm.audio/kecacatan-jadual-latihan-ketat-tak-ganggu-fokus-ashley-kepada-pengajian/</p> <p>https://www.malay.news/kecacatan-jadual-latihan-ketat-tak-ganggu-fokus-ashley-kepada-pengajian/</p> <p>https://x.com/hmetromy/status/1864566119958499635</p> <p>https://x.com/bharianmy/status/1864587620833177624</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p> <p>Molek FM</p> <p>Malay News</p> <p>Twitter HM</p> <p>Twitter BH</p>	Neutral
8.	<p>BAYI LELAKI BERTALI PUSAT DIJUMPAI DI TANGGA PANGSAPURI</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/12/05/bayi-lelaki-bertali-pusat-dijumpai-di-tangga-pangsapuri/</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-masih-bertali-pusat-ditemukan-di-tangga-flat/</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/12/05/bayi-bertali-pusat-ditemui-dalam-beg-di-tangga-flat/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/12/1163082/bayi-lelaki-masih-bertali-pusat-ditemukan-dalam-beg-serbaguna-di-tangga</p>	<p>Kosmo</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral
	KANAK-KANAK ENAM TAHUN CEDERA DILANGGAR KETIKA LINTAS JALAN		Neutral

<p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/12/1333124/kanak-kanak-enam-tahun-cedera-dilanggar-ketika-lintas-jalan#google_vignette</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1162847/budak-enam-tahun-cedera-dilanggar-kereta-ketika-melintas-jalan#google_vignette</p> <p>https://majoriti.com.my/berita/2024/12/05/video-cedera-tulang-belikat-budak-6-tahun-dikejarkan-ke-hospital-terlibat-kes-langgar-lari-di-ib</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/12/1333111/budak-perempuan-6-tahun-mangsa-langgar-lari-kereta</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php/jenayah_mahkamah/news.php?id=2371311</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>Majoriti</p> <p>Berita Harian</p> <p>Bernamea</p>	
<p>LELAKI WARGA EMAS DITEMUI MATI DI LUAR PUSAT BELI-BELAH</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/12/05/lelaki-warga-emas-ditemui-mati-di-luar-pusat-beli-belah</p> <p>https://www.facebook.com/permalink.php/?story_fbid=1003115115170240&id=100064152814669</p> <p>https://suarasarawak.my/lelaki-warga-emas-dipercayai-mati-terjatuh-dari-bangunan/#google_vignette</p>	<p>Utusan Borneo</p> <p>FB Berita Sarawak</p> <p>Suara Sarawak</p>	<p>Neutral</p>

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

JKM TAMBAH KAKITANGAN HADAPI GELOMBANG KEDUA BANJIR

JKM tambah kakitangan hadapi gelombang kedua banjir



TUMPAT: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menambah jumlah kakitangan dan sukarelawan di pusat pemindahan sementara (PPS) sebagai persediaan menghadapi gelombang kedua banjir yang dijangka berlaku pada bila-bila masa.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, setakat ini JK M mempunyai seramai 1,047 petugas termasuk sukarelawan dan seramai 152 kaunselor yang sudah digerakkan untuk memberi khidmat sokongan psikososial.

“JKM mahu memastikan langkah-langkah persediaan yang sepatutnya diambil termasuk sokongan pasca banjir bagi memastikan semuanya berjalan lancar,” katanya selepas melawat mangsa-mangsa banjir di PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Tumpat, di sini.

BANTUAN BANJIR DARI NGO PERLU MELALUI PIHAK BERWAJIB – NANCY



Tumpat: Bantuan atau sumbangan banjir yang disalurkan badan bukan kerajaan (NGO) perlu melalui pihak berwajib bagi mengelakkan ia diterima oleh mangsa yang sama. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, pihaknya menerima laporan bahawa ada mangsa banjir yang sama menerima sumbangan disalurkan malah ia juga membabitkan barangan yang sama.

"Sebenarnya kita membenarkan (bantuan disalurkan) tapi kita mahu mereka (NGO) melalui pihak berkuasa, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan sebagainya supaya dapat salurkannya dengan lebih teratur sebab kadang-kadang barangan yang sama diagih jadi yang lain tak merasa.

"Yang diberi sekarang ini orang yang sama menerima dan tiada tempat untuk disimpan jadi sebab itu hari ini kami datang untuk melihat dan menilai apa lagi yang perlu diberi terutama selepas gelombang kedua nanti," katanya di sini, hari ini.

Nancy berkata, barangan keperluan sudah ditambah di depo simpanan dan akan digunakan untuk banjir gelombang kedua yang akan melanda bila-bila masa.

Katanya lagi, pihaknya juga sedang mengenalpasti bantuan lain yang diperlukan mangsa banjir termasuk menyediakan pasukannya untuk membantu membersihkan kediaman yang terkesan banjir.

"Untuk banjir gelombang kedua, mesyuarat di peringkat negara sudah diadakan dan kita perlu bersiap sedia kerana difahamkan lebih teruk dari ini.

"Kalau sudah itu ramalan, Insya-Allah, kita (JKM) akan berada di sana dan tak membiarkan rakyat menderita keseorangan," katanya.

Terdahulu Nancy hadir di pusat pemindahan sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Tumpat 2 di sini, meninjau perkembangan keadaan 673 mangsa banjir yang masih berlindung di PPS itu.

Dalam perkembangan lain, Nancy berkata JKM sudah menempatkan 152 pegawai psikologi di kawasan terjejas banjir bagi membantu memulihkan emosi dan mental mangsa terbabit .

Selain itu, seramai 1,047 pegawai JKM termasuk sukarelawan yang menyokong turut berada di lokasi terjejas banjir dan penugasan dilakukan secara bergilir.

"Kita tidak membiarkan orang sama bertugas beberapa hari, ada giliran dan ada juga sukarelawan membantu supaya pegawai yang sedia ada tidak bertugas secara berterusan dalam masa lama," katanya.

SEMUA BARANGAN BANTUAN, SUMBANGAN BANJIR PERLU DISALUR MENERUSI NADMA – NANCY

Semua barangan bantuan, sumbangan banjir perlu disalur menerusi NADMA - Nancy

Bername
05/12/2024 20:30 MYT



Nancy ketika menyantuni kanak-kanak mangsa banjir di PPS Sekolah Kebangsaan Seri Tumpat 2 hari ini. - Gambar Bernama

TUMPAT: Semua barangan bantuan dan sumbangan banjir perlu disalurkan kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) untuk pengagihan yang lebih teratur, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri.

Beliau berkata perkara itu bagi mengelakkan bantuan dan sumbangan banjir itu diterima oleh orang yang sama.

"Pihak saya ada menerima laporan bahawa ada mangsa banjir yang sama menerima sumbangan dan barangan yang sama," katanya dalam sidang media selepas menyantuni mangsa banjir di pusat pemindahan sementara Sekolah Kebangsaan Seri Tumpat 2, di sini, hari ini.

Nancy berkata pihaknya membenarkan bantuan dan sumbangan daripada pihak luar disalurkan, namun perlu melalui pihak berkuasa seperti NADMA.

Beliau berkata apabila barangan dan sumbangan diagihkan kepada mangsa yang sama, maka ada mangsa lain yang tidak menerima bantuan itu.

"Oleh itu, kita perlu mengelakkannya ia daripada berterusan berlaku dan hari ini kami datang untuk menilai apa yang perlu diberi keutamaan untuk gelombang seterusnya," katanya.

Nancy berkata barangan keperluan telah ditambah di depot simpanan dan akan digunakan untuk banjir gelombang seterusnya yang akan melanda bila-bila masa.

Beliau berkata pihaknya juga sedang mengenal pasti bantuan lain yang diperlukan mangsa banjir termasuk menyediakan pasukannya untuk membantu membersihkan kediaman yang terkesan banjir.

Nancy berkata mesyuarat di peringkat negara telah diadakan untuk menghadapi gelombang seterusnya, yang dijangka lebih teruk.

"Kalau sudah itu ramalan (MetMalaysia), insya-Allah, kita (JKM) akan berada di sana dan tidak akan membiarkan rakyat menderita keseorangan," katanya.

Pada Isnin, Jabatan Meteorologi menjangkakan luruan monsun akan berlaku dari 8 hingga 14 Dis ini di timur Semenanjung dan keadaan itu berpotensi menyebabkan hujan berterusan di kawasan terbabit dalam tempoh berkenaan.

DEPOH SIMPANAN KEPERLUAN BENCANA JKM DI KELANTAN AKAN DITAMBAH BAIK – NANCY

© Disember 5, 2024, Khamis - 4:52pm



Nancy Shukri ketika mendengar taklimat berkenaan status jumlah mangsa yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan Seri Tumpat 2 hari ini. - Gambar BERNAMA

TUMPAT: Depoh simpanan keperluan bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di Kelantan akan ditambah baik dari semasa ke semasa, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri.

Beliau berkata, walaupun di Kelantan hanya terdapat satu depoh itu di Pengkalan Chepa, namun kementeriannya akan memastikan semua bantuan makanan dan keperluan asas dapat disalurkan ke setiap pusat pemindahan sementara (PPS).

"Ya, kita memang menyedari perkara itu (kekurangan depoh simpanan) dan kita akan membaiki segala kelemahan yang ada termasuklah dibahagikan kepada peringkat zon.

"Jadi, tidak ada masalah dari segi tidak cukup bekalan makanan dan JKM juga akan menambah barang-barang keperluan asas di depoh," katanya dalam sidang media selepas menyantuni mangsa banjir di PPS Sekolah Kebangsaan Seri Tumpat 2 di sini hari ini.

Nancy berkata penyaluran bantuan juga sentiasa ditambah baik bagi mengelakkan bekalan makanan dan keperluan asas tidak sampai ke PPS akibat beberapa kekangan, seperti jalan putus.

"Ada beberapa petugas JKM yang turut terkesan dengan banjir ... oleh itu, mereka yang bertugas pada gelombang pertama diberi rehat dan akan diganti dengan petugas lain untuk bersiap sedia menghadapi gelombang seterusnya," katanya.

Beliau berkata sebanyak 4,590 petugas JKM di seluruh negara dengan kerjasama agensi lain dan sukarelawan terlibat menguruskan keperluan mangsa banjir di negeri-negeri yang terjejas.

Terdahulu, Nancy melawat dan menyampaikan sumbangan kepada balu mangsa banjir, Fadiah Seman, 69, di Kampung Kuala Sat, Machang, yang kehilangan suaminya Shukarno Mahmood, 72, yang ditemukan lemas pada 8.30 pagi, Ahad lepas.

Shukarno dijumpai kira-kira 100 meter dari kediamannya selepas perahu yang dinaiki dipercayai terbalik dan dibawa arus ketika mangsa dalam perjalanan pulang daripada meninjau haiwan ternakannya di kawasan berdekatan.

KESEDARAN ORANG RAMAI PINDAH KE PPS SANGAT LUAR BIASA – MERCY

KUALA LUMPUR: Bencana banjir pada tahun ini menunjukkan tahap kesedaran dalam kalangan orang ramai untuk berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) secara sukarela yang sangat mengagumkan.

enasihat Kanan Teknikal MERCY Malaysia, Norazam Abu Samah berkata, PPS menunjukkan peningkatan pendaftaran mangsa secara mendadak dalam masa yang singkat.

"Jumlah mangsa yang datang melaporkan diri (di PPS) pada kali ini sangat luar biasa. Maknanya, pada hari pertama air bah naik di Kelantan, sekitar beberapa ribu sahaja (yang berpindah ke PPS).

"Pada hari kedua, terus melonjak kepada 50,000. Jumlah yang sangat tinggi. Mungkin ada beberapa perkara yang kita boleh lihat di sini. Mungkin masyarakat sudah sedar dan mereka memberi respons secara terus tanpa menunggu (arahan pihak berkuasa)," katanya.

Beliau berkata demikian dalam program *Agenda AWANI* pada Khamis.

Tambah Norazam, masyarakat juga kini sudah peka mengenai tahap kenaikan air yang dikategorikan sebagai bahaya yang juga membawa kepada tindakan segera untuk menyelamatkan diri daripada banjir.

Setakat 8 malam, mangsa banjir menunjukkan trend penurunan sehingga 36.55 peratus kepada 33,664 orang mangsa melibatkan 10,649 keluarga di tujuh negeri dengan PPS yang masih dibuka juga berkurang kepada 129 buah pusat.

GISBH: LEBIH 130 KANAK-KANAK BELUM DITUNTUT



Nancy (kiri) melawat PPS Sekolah Kebangsaan Sri Tumpat di sini pada Rabu.

TUMPAT - Lebih 130 anak-anak bekas anggota GISBH Holdings Sdn Bhd (GISBH) kini tidak dituntut ibu bapa mereka berikutan takut tampil bertemu pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) selain berdepan masalah kewangan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, mungkin ada ibu bapa yang bimbang akan ditangkap jika datang untuk berbincang untuk mengambil anak-anak mereka.

"Mereka takut sebab bimbang akan melibatkan polis tetapi sebenarnya yang ditahan itu ada kesalahan lain. Sepatutnya mereka tidak perlu takut," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan di pusat pemindahan sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan Sri Tumpat di sini pada Rabu.

Nancy memberitahu, ada juga ibu bapa yang tidak berkemampuan dari segi ekonomi untuk membayar kos peguam untuk menuntut anak-anak di bawah jagaan JKM.

"Kita ada menghubungi mereka tetapi tidak menjawab telefon," katanya.

Bagaimanapun jelas Nancy, jabatan itu perlu mengembalikan semula kanak-kanak terbabit kerana ada tempoh tertentu yang diperintahkan oleh mahkamah.

"Kita perlu melalui proses mahkamah untuk memohon dan melindungi kanak-kanak terbabit selain perlu ada prosedur khusus untuk menyerahkannya kepada ibu bapa," katanya.

Tambah Nancy, pihaknya juga perlu mendapatkan perintah mahkamah untuk mendapatkan Orang Yang Layak Dan Sesuai (OYLS) bagi menjaga kanak-kanak terbabit.

Media sebelum ini melaporkan seramai 420 daripada 560 kanak-kanak yang diselamatkan menerusi Op Global sudah diserahkan kepada keluarga termasuk empat kepada OYLS.

JELI BANJIR SEMULA, MANGSA DIJANGKA BERTAMBAH

Kota Bharu: Jeli kembali dilanda banjir dengan satu pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka semula malam ini, susulan hujan lebat sejak petang tadi.

S eramai 19 mangsa membabitkan empat keluarga dipindahkan ke PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Kuala Balah.

Sehingga kini, beberapa kampung di daerah berkenaan masih mengalami hujan lebat dan dijangka akan berlaku pertambahan jumlah mangsa berpindah.

Sebelum ini, PPS Jeli sudah ditutup sejak tiga hari lalu selepas banjir di daerah berkenaan pulih sepenuhnya

KECACATAN, JADUAL LATIHAN KETAT TAK GANGGU FOKUS ASHLEY KEPADA PENGAJIAN



ASHLEY menerima Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan daripada Pro Canselor UiTM, Datuk Abdul Wahab Aziz pada Istiadat Konvokesyen Ke-100 UiTM di Kampus Samarahan, semalam. FOTO UiTM

Kuching: Kekacatan fizikal pada kedua-dua kaki sejak lahir, ditambah dengan kesibukan menjalani latihan sukan tidak menghalang Ashley Irenaesus Jeck, untuk menamatkan pengajiannya di Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Ahsley, 24, yang juga atlet badminton para kebangsaan menerima Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan pada Istiadat Konvokesyen Ke-100 UiTM di Kampus Samarahan UiTM Sarawak, semalam.

Menurut anak muda kelahiran Dalat dalam Bahagian Mukah itu, beliau gembira dan bersyukur apabila berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh tiga tahun selepas melapor untuk mengikuti pengajian di UiTM Sarawak pada 2021.

Beliau mengakui banyak kesukaran dihadapinya ketika mengikuti pengajian berikutan pergerakan yang terhad.

BAYI LELAKI BERTALI PUSAT DIJUMPAI DI TANGGA PANGSAPURI



Bayi lelaki yang masih bertali pusat dijumpai dalam sebuah beg berdekatan tangga sebuah pangsapuri.

SUBANG JAYA – Seorang bayi lelaki yang masih bertali pusat dijumpai di tangga sebuah pangsapuri di Puchong Permai, di sini, semalam.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Wan Azlan Wan Mamat berkata, bayi itu ditemui orang awam pada pukul 4.30 petang.

“Pihak polis telah menerima maklumat daripada orang awam yang telah menjumpai seorang bayi lelaki yang masih hidup dan bertali pusat di tangga pangsapuri berkenaan, semalam.

“Siasatan awal yang dijalankan mendapati bayi lelaki cukup sifat yang masih bertali pusat itu dijumpai di dalam sebuah beg,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Menurut beliau, bayi lelaki tersebut dijumpai dalam keadaan tidak berpakaian dan telah dibersihkan kerana tiada kesan darah pada badan.

“Bayi tersebut telah dibawa ke Hospital Sultan Idris Shah Serdang untuk rawatan lanjut. Bayi dengan berat 2.84 kilogram, panjang 54 sentimeter itu kini dalam keadaan sihat dan stabil,” ujarnya.

Tambahnya, kes disiasat di bawah Seksyen 317 Kanun Keseksaan.

“Orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai kejadian ini boleh tampil ke IPD Subang Jaya untuk membantu siasatan. “Jika terdapat sebarang maklumat berkaitan kejadian, orang ramai boleh berhubung dengan Inspektor Norhapizah Zulkapli di talian 017-234 0141 atau 03-7862 7222,” ujarnya. – KOSMO! ONLINE.